

04/10/2003

Gusmao harap bantuan KL

KUALA LUMPUR: Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Timor Leste (dulu dikenali sebagai Timor Timur) pada 22 hingga 24 Oktober ini, akan merapatkan lagi hubungan dua hala ketika Malaysia terus komited untuk membangunkan negara itu.

Malah, beberapa memorandum persefahaman (MoU) dijangka ditandatangani untuk memperluaskan kerjasama itu sempena kunjungan Perdana Menteri ke Dili iaitu ibu negara Timor Leste, negara miskin yang baru merdeka.

Presiden Timor Leste, Xanana Gusmao yang dalam lawatan peribadi ke Malaysia melahirkan harapan supaya Kuala Lumpur terus membantu negaranya dalam usaha membawa pembangunan.

Hasrat itu disampaikan dalam pertemuan kira-kira 45 minit dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Bercakap kepada media selepas pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia amat gembira hubungan baik dengan Timor Leste dan akan berusaha untuk memberi bantuan.

"Kita akan memberi bantuan untuk pembinaan keupayaan dan bantuan mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Kita berharap untuk menandatangani beberapa MoU apabila Dr Mahathir melawat Timor Leste mulai 22 Oktober ini," katanya.

Beliau berkata, Gusmao yang sedang dalam lawatan peribadi ke Malaysia mengambil peluang untuk menemui Abdullah bagi membincangkan isu dua hala dan perkara yang berkaitan kepentingan bersama termasuk Asean.

Timor Leste, bekas jajahan Portugal yang diintegrasikan dengan Indonesia pada 1975 dan kemudian memutuskan untuk berpisah menerusi pengundian kendalian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Ogos 1999, menyambut kemerdekaan pertama negara itu pada 20 Mei tahun lalu.

Sebelum ini, wilayah terbabit ditadbir Pihak Berkuasa Peralihan PBB Bersatu di Timor Timur (UNTAET) bermula 1999 berikutan referendum yang dibuat memilih untuk keluar daripada Indonesia.

Timor Timur sebahagian Indonesia bermula 16 Julai 1976. Ibu negara dan bandar terbesarnya adalah Dili yang mempunyai 65,000 penduduk.

Malaysia adalah antara negara pertama membuka pejabat perhubungan di Dili pada April 2000 dan pejabat itu kemudian dinaikkan taraf menjadi pejabat penuh kedutaan sempena kemerdekaan negara itu.

Timor Leste juga membuka pejabat kedutaannya di sini.